# Pindaan: Mahathir yakin pentadbiran negara tak terganggu

UM 10 JAN 1984

KUALA LUMPUR 9 Jan. – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin bahawa pentadbiran negara tidak akan terganggu apabila keraguan tentang penggunaan syarat perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk menolak keputusan Parlimen dihapuskan.

Perdana Menteri berkata, pindaan baru perkara 66(5) perlembagaan akan memberi jalan yang terang untuk mengatasi apa - apa kebuntuan jika Seri Paduka tidak bersetuju dengan apa - apa undang - undang yang diluluskan oleh Parlimen tertakluk kepada peruntukan - peruntukan lain mengenai kuasa budibicara Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja - Raja.

"Pindaan asal kepada perkara itu bertujuan untuk menghapuskan segala keraguan tentang hak Parlimen membuat undang - undang. Dalam tempoh 15 hari daripada sesuatu rang undang - undang dipersembahkan untuk diperkenankan, rang undang - undang itu tetap akan menjadi undang - undang.

"Dalam pindaan baru yang dikemukakan hari ini, tempoh 15 hari itu dipinda menjadi 30 hari campur 30 hari tetapi yang penting ialah tidak lagi ada keraguan tentang penggunaan syarat perkenan Yang diPertuan Agong untuk menolak keputusan Parlimen.'

"Ini akan menentukan bahawa pentadbiran negara

Kesemua ahli Dewan Rakyat hadir dalam sidang khas petang ini kecuali dua, iaitu Datuk Lew Sip Hon (BN-Shah Alam) yang kini menjadi Duta Besar ke Amerika Syarikat dan Encik Kan Yau Fah (BN-Tawau).

Tempat duduk untuk para pemerhati dan para wartawan telah juga penuh sesak.

Rang undang - undang itu bertujuan meminda Akta Perlembagaan (pindaan) 1983 yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Ogos 1983 dan diperkenankan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 15 Disember tahun lalu selepas kebuntuan selama empat bulan lebih.

Kebuntuan telah wujud akibat raja - raja tidak berkenan Yang di-Pertuan Agong memperkenankan rang undang - undang 1983 itu.

Bagaimanapun, setelah perjumpaan diadakan dengan raja-raja dengan wakil kerajaan dan perundingan beberapa tawaran telah dibuat oleh kerajaan kepada raja-raja.

Akhirnya persetujuan dicapai dengan' Timbalan Yang di-Pertuan Agong memperkenankan dan menandatangani rang undang - undang 1983 itu pada 15 adalah hasil daripada kompromi tersebut dan menyentuh perkara - perkara 66(5), 150 dan jadual kelapan perlembagaan.'

Dalam ucapannya selama setengah jam itu, Perdana Menteri telah menghuraikan tentang sebab - sebab Malaysia memilih sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, perjuangan kemerdekaan dari penubuhan UMNO menentang Malayan Union sehingga galah perlembagaan Persekutuan digubal.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, setengah - setengah pakar perlembagaan berpendapat bahawa pindaan baru yang dikemukakan hari ini memberi kuasa baru kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengambil bahagian secara langsung dalam penggubalan undang - undang.

Sebaliknya, kata beliau, ada pendapat yang menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong memang mempunyai kuasa tidak memperkenankan mana - mana undang - undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Walau apa pun pendapat pakar - pakar, yang jelas ialah di bawah peruntukan asal perkara 66(5), Parlimen tidak terdaya mengambil apa - apa langkah yang diasaskan kepada perlembagaan undang - undang yang tidak melibatkan kewangan itu boleh dikembalikan kepada Parlimen untuk pertimbangan semula bersama - sama pernyataan teguran Seri Paduka tentang rang undang - undang berkenaan.

Menurut Datuk' Sri Dr. Mahathir, dengan peruntukan itu teguran Yang di-Pertuan Agong akan dibahaskan dalam Parlimen, suatu perkara Yang tidak pernah dilakukan oleh Parlimen.

Perdana Menteri kemudian menarik perhatian anggota - anggota Dewan terhadap peruntukan - peruntukan Akta Hasutan 1948.

Katanya, "sesuatu kecenderungan menghasut ialah *kecenderungan bagi mendatangkan* benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap mana - mana raja atau kerajaan.

Tetapi akta yang sama juga membuat pengecualian itu apa - apa perbuatan, ucapan tidak boleh disifatkan sebagai menghasut semata - mata oleh sebab ia mempunyai kecenderungan:

A) Bagi menunjukkan bahawa seseorang raja telah dikelirukan atau tersilap dalam mana - mana langkah tindakan yang diambil olehnya,

B) Bagi menunjukkan kesilapan -kesilapan atau

tidak akan terganggu, dan peristiwa yang berlaku beberapa bulan yang lepas tidak akan berulang lagi," tambahnya ketika membentangkan Rang Undang - Undang Perlembagaan (pindaan), 1984 di Dewan Rakyat.

Discmber tahun lalu manakala 'kerajaan memberikan jaminan bertulis kepada raja-raja untuk meminda pindaan itu seperti yang dipersetujukan.

Pindaan - pindaan baru yang dibentangkan oleh Perdana Menteri hari ini

gaan bagi mengatasi keengganan Yang di-Pertuan Agong memperkenankan mana - mana undang - undang yang diluluskan oleh Parlimen.

"Pindaan baru hari ini memberi jalan yang terang, untuk mengatasi apa - apa kebuhtuan jika Seri Paduka tidak bersetuju dengan apa - apa undang - undang yang diluluskan Parlimen," tegas beliau.

Dengan pindaan baru itu juga, Perdana Menteri menjelaskan bahawa buat pertama kalinya Parlimen akan terpaksa membahaskan teguran Yang di-Pertuan Agong sekiranya sesuatu rang undang - undang itu dikembalikan oleh Seri Paduka ke Parlimen seperti mana yang dibolehkan oleh peruntukan baru perkara 66(5).

Katanya perkara membahaskan teguran Seri Paduka di Parlimen sebelum ini tidak pernah dilakukan dan mengikut adat dan tradisi, ahli - ahli Parlimen serta Dewan Undangan Negeri 'tidak pernah melibatkan Yang di-Pertuan Agong dan raja - raja dalam perbahasan ataupun ucapan - ucapan lain.

Pindaan baru perkara 66(5) memperuntukkan bahawa rang undang - undang yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong hendaklah diperkenankan dalam tempoh 30 hari.

Sekiranya Seri Paduka tidak memperkenankan, rang

kecacatan - kecacatan dalam mana - mana kerajaan atau perlembagaan dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan - kesilapan atau kecacatan - kecacatan itu.

C) Bagi memujuk rakyat mana - mana raja atau penduduk mana - mana wilayah supaya cuba mendapatkan diubah, dengan cara yang sah apa - apa perkara dalam wilayah kerajaan itu yang tertuduh menurut undang - undang dan lain - lain.

Menurut Perdana Menteri lagi, pengecualian yang terdapat dalam akta jelas menunjukkan bahawa teguran boleh dibuat terhadap raja dan kerajaan dengan cara yang sah dari segi undang - undang, dan apa - apa teguran yang sah bagi raja-raja adalah juga sah bagi kerajaan dan sebaliknya.

Dengan pindaan itu, Datuk Sri Dr Mahathir menjelaskan, walaupun perbahasan ke atas teguran Yang di-Pertuan Agong adalah pemisahan daripada adat dan tradisi, tetapi ini dibenarkan oleh Akta Hasutan.

Beliau bagaimanapun menasihatkan ahli - ahli Parlimen supaya berhati - hati apabila membuat teguran yang melibatkan raja - raja atau kerajaan.

Tegasnya, "oleh kerana raja - raja tidak mengambil bahagian dalam perbahasan maka kerajaan bertanggungjawab bagi menangkis semua teguran dan jika perlu akan mengambil tindakan